

NO. SOALAN: 94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

RUJUKAN : 7649

SOALAN:

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan atau dirancang oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pendatang asing di Sabah daripada Filipina dan juga Indonesia yang telah menjurus kepada pemalsuan dokumen pengenalan seperti Kad Pengenalan Malaysia yang akhirnya mengakibatkan jenayah.

JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri memandang serius kes-kes pengeluaran dan pengedaran kad pengenalan palsu yang dilakukan oleh sindiket kerana hal ini bukan sahaja melibatkan penipuan kepada penerimanya tetapi turut menjelaskan nama baik Jabatan Pendaftaran Negara.

Oleh itu, Kementerian ini melalui Jabatan Pendaftaran Negara telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah tersebut dengan menjalankan operasi penguatkuasaan ke atas pemalsuan kad pengenalan sejak tahun 1971. Dalam hal ini, dari tahun 2010 hingga 13 Mac 2015, sebanyak 1,551 operasi penguatkuasaan telah dijalankan. Bagi tempoh tersebut, seramai 633 orang telah ditangkap dan didakwa di bawah Peraturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) iaitu:-

“tanpa kuasa yang sah atau sebab yang munasabah, mendapatkan lebih daripada satu kad pengenalan atau menggunakan kad pengenalan palsu atau kad pengenalan selain daripada kepunyaannya atau memiliki apa-apa dokumen palsu yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini atau apa-apa dokumen pengenalan lain yang bukan atas namanya”.

Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda minimum RM3,000 dan denda maksimum RM20,000.

Selain itu, Kementerian ini juga telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan ciri-ciri kualiti kad pengenalan iaitu dengan mengeluarkan Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) Struktur Baru yang memiliki ciri-ciri keselamatan yang lebih tinggi dan canggih. Di samping itu, agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia juga sentiasa bekerjasama dalam menjalankan operasi secara bersepadu bagi memantau, menyiasat dan membendung sindiket pemalsuan kad pengenalan.

NO SOLAN : 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-13 (2015)

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

SOALAN :

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan atau dirancang oleh Kementerian untuk meningkatkan jumlah Orang Asli dalam perkhidmatan awam khususnya graduan dan golongan terpelajar daripada kalangan Orang Asli yang wajar diberikan pertimbangan dan peluang menyertai sektor perkhidmatan awam.

JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Orang Asli diberi pertimbangan sewajarnya berdasarkan tapisan khas yang ditetapkan. Calon-calon dari kalangan Orang Asli akan dipanggil temu duga berdasarkan tapisan kelayakan minimum yang ditetapkan dalam sesuatu skim perkhidmatan.

Pada tahun 2014, seramai 3,124 Orang Asli Semenanjung telah memohon memasuki perkhidmatan awam. Daripada jumlah tersebut, seramai 228 orang telah layak dan dilantik untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 34.9 peratus berbanding tahun sebelumnya, di mana pada tahun 2013 seramai 169 orang telah layak dan dilantik daripada 3,588 permohonan.

Untuk makluman, jumlah lantikan Orang Asli Semenanjung di atas hanya bagi lantikan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sahaja dan tidak termasuk lantikan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), Suruhanjaya Pasukan Polis (SPPolis), Majlis Angkatan Tentera (MAT), Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
DARIPADA IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedang meneliti untuk mengkaji semula Prosedur Operasi Standard (SOP) penyediaan kertas peperiksaan untuk mengelakkan insiden seperti kebocoran soalan UPSR 2014 tidak berulang pada masa hadapan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawatankuasa Bebas Mengkaji Pengurusan Peperiksaan Awam Kendalian Lembaga Peperiksaan telah ditubuhkan dengan kuasa YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia pada 12 September 2014. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YABhg Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi, Mantan Ketua Hakim Negara telah mencadangkan lima belas (15) syor penambahbaikan proses kerja pengurusan peperiksaan awam.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperakukan syor-syor tersebut untuk dilaksanakan dalam tiga tempoh masa berikut :

- (i) jangka masa pendek (JP) untuk dilaksanakan serta merta atau dalam tempoh enam (6) bulan;